

Sistem Pasaran ialah Cara Terbaik

Dasar-dasar yang berteraskan fahaman perlindungan perdagangan kini semakin meluas. Dasar-dasar sebegini memang merbahaya. Pada waktu dunia sedang dilanda krisis ekonomi, dasar-dasar yang berteraskan perlindungan perdagangan menjadi lebih merbahaya kerana ia boleh merobakkan ekonomi dunia.

Teras dasar perlindungan perdagangan sebenarnya adalah pelik kerana ia berpaksi kepada sangkaan bahawa kekayaan negara akan meningkat jika kerajaan memberikan kuasa monopoli kepada para pengeluar domestik. Sangkaan ini telah dibuktikan salah oleh beratus-ratus tahun pengalaman dunia serta kajian-kajian empirikal.

Hakikatnya, perlindungan perdagangan menghasilkan kemiskinan, bukan kekayaan. Perlindungan perdagangan tidak “melindungi” pekerjaan untuk rakyat tempatan, tetapi ia menghilangkan peluang pekerjaan dan melemahkan industri-industri domestik, teutamanya industri eksport. Ia juga menggugat daya saing industri tempatan yang menggunakan barangan import sebagai bahan mentah atau bahan asas pembuatan. Contohnya, “perlindungan” terhadap sesebuah syarikat besi tempatan akan menyebabkan harga besi naik. Seterusnya kos membuat kereta dan juga lain-lain barangan berteraskan besi juga akan naik, lantas menyusahkan rakyat terbanyak. Perlindungan perdagangan hanya merompak kekayaan rakyat dan menjadikan mereka lebih miskin.

Lebih buruk lagi, perlindungan perdagangan juga mengancam keamanan sejagat. Ini sepatutnya cukup untuk membuatkan semua individu yang berniat baik dan semua yang mendokong perkembangan tamadun dunia bangun menentang ideologi nasionalisme ekonomi – sebuah ideologi berasaskan konflik dan salah faham yang dijelmakan sebagai perlindungan perdagangan.

Dua ratus lima puluh tahun lalu, Montesquieu berhujah bahawa “Secara semula jadi perdagangan akan menghasilkan keamanan. Melalui perdagangan dua negara yang berbeza pandangan akan menjadi saling bergantung antara satu sama lain kerana satu negara mahu membeli dan satu lagi mahu menjual. Maka kesatuan dapat diwujudkan kerana mereka saling memerlukan.”

Nikmat yang paling besar daripada perdagangan ialah keamanan dan kedamaian. Perdagangan menghasilkan keamanan dengan cara menyatukan manusia yang berbeza-beza di dalam satu budaya komersil, lantas membolehkan manusia belajar dan menghargai perbezaan bahasa, adat, kebudayaan, undang-undang, harapan, kemahuan dan juga kebolehan pihak lain.

Perdagangan menghasilkan keamanan dengan cara menggalakkan manusia membina hubungan dan kerjasama yang saling membawa faedah. Seperti mana perdagangan membolehkan wujudnya hubungan yang saling membawa faedah antara Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu serta juga Pulau Pinang dan Kuala Terengganu, perdagangan juga membolehkan hubungan baik dijalin antara Kuala Lumpur dengan London serta juga Pulau Pinang dengan Tokyo. Perdagangan menjadikan setiap pihak yang berurusan antara satu sama lain berkongsi kemahuan dan aspirasi.

Banyak kajian empirikal yang mendalam menyokong pandangan bahawa perdagangan menghasilkan keamanan.

Perang Dunia Kedua mungkin merupakan antara contoh paling tragis apa yang berlaku apabila pandangan tersebut tidak dihiraukan. Antara tahun 1929 dan 1932, kadar perdagangan antarabangsa runtuh sebanyak 70 peratus. Antara penyebab utama ialah tindakan Amerika Syarikat memperkenalkan sekatan perdagangan yang dikenali sebagai tarif Smoot-Hawley pada tahun 1930, dan juga tindakbalas negara-negara lain terhadap tarif itu. Pakar ekonomi Martin Wolf mengatakan “keruntuhan kadar perdagangan antarabangsa ini menyemarakkan lagi pergerakan ke arah autarki dan Lebensraum¹, terutama di Jerman dan Jepun.” Hasilnya ialah peperangan yang amat buruk dalam sejarah manusia.

Perdagangan juga menyelamatkan kehidupan manusia kerana ia membantu manusia memperbaiki kualiti hidup. Peluang memperbaiki kualiti hidup itu kemudian boleh diperluas kepada lebih ramai manusia. Bukti bahawa perdagangan yang lebih bebas membawa kepada kemajuan dan kemakmuran memang banyak sekali. Dan seterusnya kemajuan dan kualiti hidup yang lebih baik itu membolehkan rakyat biasa menikmati usia yang lebih panjang dan kesihatan yang lebih baik.

Hasil daripada usia yang lebih panjang, kesihatan yang lebih baik serta kehidupan yang lebih aman, manusia yang hidup bersepadu dalam sistem ekonomi global akan boleh menikmati kepelbagaian budaya yang wujud di muka bumi. Sekali lagi, budaya yang pelbagai ini hanya sampai kepada mereka melalui perdagangan yang bebas. Budaya sebenarnya menjadi lebih kaya dengan penambahan daripada berbagai-bagai sumber di muka bumi. Semua ini hanya berlaku jika ada kebebasan dalam perdagangan barangan dan pertukaran idea.

Memang tidak dapat dinafikan perdagangan bebas menjadikan kita lebih berkemampuan. Tetapi nikmat dalam hidup kita tidak semestinya boleh diukur dengan wang ringgit. Nikmat terbesar sebenarnya ialah nyawa dan kehidupan yang merdeka, tidak terikat, lebih bermakna dan tidak diancam oleh keganasan atau peperangan.

Dengan itu, kami yang menandatangani kenyataan ini bersama-sama merayu kepada pemerintah negara-negara seluruh dunia agar tidak mempertingkatkan sekatan-sekatan perdagangan. Janganlah terpengaruh dengan kempen dan bisikan daripada golongan yang berfikiran pendek dan tamak.

Kami juga menyeru pemerintah supaya menghapuskan semua bentuk perlindungan dan sekatan perdagangan yang sedia wujud. Biarlah rakyat menikmati sepenuhnya hasil titik peluh mereka bekerja di sawah, kebun dan ladang, di kilang-kilang serta juga hasil buah fikiran mereka. Dan janganlah disekat peluang rakyat untuk menikmati hasil kerja manusia lain daripada seluruh dunia. Kami yakin ini akan membawa kepada kemajuan, pembaikan kualiti hidup dan juga akan membolehkan rakyat hidup dalam rahmat keamanan dan kemakmuran.

¹ Lebensraum ialah fahaman yang mendorong rejim Nazi Jerman menyerang negara-negara lain.